



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

SESI TOWN HALL BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI MEMBINCANGKAN LANGKAH MENANGANI MASALAH PENCEMARAN JEREBU MERENTAS SEMPADAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) pada hari ini telah menganjurkan satu sesi *town hall* bersama pihak berkepentingan bagi membincangkan langkah menangani masalah pencemaran jerebu merentas sempadan.

Penganjuran sesi *town hall* ini adalah sebahagian dari usaha NRES dalam meneliti mekanisme terbaik yang merangkumi langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta meneliti keperluan penggubalan instrumen perundangan bagi menangani masalah jerebu merentas sempadan secara efektif dan holistik.

Isu jerebu merentas sempadan ini telah berlaku sejak lebih dari 20 tahun, di mana tahun 1997 merupakan insiden jerebu terburuk ketika itu. Sepanjang tempoh ini, pelbagai pendekatan di peringkat tempatan dan antarabangsa telah diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani masalah ini.

Malaysia telah memeterai Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan (AATHP) pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, tiada sebarang tindakan punitif boleh diambil di bawah perjanjian ini ke atas syarikat atau negara yang menyebabkan jerebu merentas sempadan di negara-negara yang terjejas, di mana semua isu dan pertikaian perlu diselesaikan secara rundingan serta kesepakatan (*amicable*).

Susulan kejadian jerebu pada tahun 2019, Kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil inisiatif menggubal Akta Jerebu Merentas Sempadan bagi membolehkan tindakan punitif ini diambil, namun usaha ini telah terhenti semasa peralihan kepada Kerajaan Perikatan Nasional, susulan penelitian semula kebolehlaksanaan akta dan penguatkuasaannya dengan mengambil iktibar pelaksanaan akta seumpamanya oleh negara jiran.

Di peringkat domestik pula, Kerajaan melalui pelbagai kementerian, jabatan dan agensi pada setiap tahun berusaha untuk memastikan semua persediaan menghadapi cuaca panas dan kering serta tindakan pencegahan pembakaran terbuka diambil sewajarnya. Aktiviti penguatkuasaan bersepadu juga telah dipertingkatkan bagi mencegah pembakaran terbuka.

Kementerian juga telah mengadakan mesyuarat bersama Bursa Malaysia, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dan Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi membincangkan mekanisme pelaporan oleh syarikat-syarikat perladangan milik Malaysia dan syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di luar negara bagi memastikan langkah-langkah pencegahan kebakaran ladang dan premis diambil sewajarnya.

Syarikat perladangan milik Malaysia dan syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di dalam negara dan di Indonesia juga telah diingatkan untuk sentiasa memastikan langkah-langkah pencegahan pembakaran terbuka diambil sewajarnya untuk mengelak berlakunya kebakaran ladang dan hutan gambut yang menjadi punca utama insiden jerebu.

Walaupun bagaimanapun, NRES terus komited dan sentiasa berusaha mengatasi masalah jerebu merentas sempadan ini daripada terus berulang. Justeru itu, sesi *town hall* ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan cadangan dan pandangan pelbagai aspek dalam menangani masalah ini.

Susulan penganjuran *town hall* ini, segala hasil dapatan yang melibatkan semua pihak berkepentingan pada hari ini akan dibincangkan secara terperinci oleh pihak NRES bagi penyediaan kertas kerja dasar dan intipatinya akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas (Parlimen) Alam Sekitar, Sains dan Perladangan. Ketetapan yang akan diperolehi ini seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan pelaksanaannya.

Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan atas kesudian melapangkan masa bersama-sama mencari jalan penyelesaian menangani isu jerebu merentas sempadan yang merupakan *long-standing issue* di negara ini.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

21 DISEMBER 2023